0333
U 8101 AAB
MAHATHIR-IFNGO
I

KUALA LUMPUR, 14 NOV (BERNAMA) -- NILAI-NILAI KEAGAMAAN DAN MORAL YANG KUAT BESERTA LATARBELAKANG KELUARGA YANG KUKUH AKAN MENJAMIN GENERASI BELIA AKAN DATANG TERHINDAR DARIPADA KEGIATAN DADAH, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

OLEH ITU PERANAN AGAMA DAN IBUBAPA SERTA PENINGKATAN KEMAHIRAN PENGURUSAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) WAJAR DIBERI PERHATIAN SEBAGAI STRATEGI JANGKA PANJANG PEMBASMIAN KEGIATAN DADAH, KATANYA.

+ MASYARAKAT DAN KELUARGA MENJADI BENTENG TERAKHIR BAGI MELINDUNGI KELANGSUNGAN HIDUP KITA SEBAGAI UMAT MANUSIA DAN ANGGOTA SOSIAL,+ KATANYA DALAM UCAPAN PERASMIAN PERSIDANGAN KE-10 PERSEKUTUAN ANTARABANGSA PERTUBUHAN -PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (IFNGO) BAGI PENCEGAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH DAN BAHAN DADAH DI HOTEL SHANGRI-LA DI SINI.

TEKS UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH MENTERI KEWANGAN DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN YANG JUGA MENYAMPAIKAN PERUTUSAN DATUK SERI DR MAHATHIR MEMOHON MAAF KERANA TIDAK DAPAT MENGHADIRI UPACARA PERASMIAN ITU KERANA PERDANA MENTERI SELESEMA.

BAGAIMANAPUN ISTERI PERDANA MENTERI DATUK PADUKA DATIN SERI DR SITI HASMAH TURUT HADIR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEJAJAR DENGAN TEMA PERSIDANGAN YAKNI + DARIPADA IKRAR SEDUNIA KEPADA TINDAKAN MASYARAKAT+ PERANAN DAN TUGAS MASYARAKAT DAN IBUBAPA PERLU DIPERKUKUHKAN SECARA MENGHALAKAN SEMULA DAN MENDIDIK SEMULA MEREKA SUPAYA MENGIKUT KEHENDAK-KEHENDAK MASYARAKAT YANG KIAN BERUBAH .-- LAGI
1352MST 14 11 88

MAHATHIR-IFNGO 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN, PERDANA MENTERI BERKATA PERLU WUJUD KERJASAMA PADA SEMUA PERINGKAT SUPAYA PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH DIATASI DENGAN BERKESAN.

KATANYA TANGGUNGJAWAB MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM PENCEGAHAN KEGIATAN DADAH DALAM MASYARAKAT BUKAN MONOPOLI MUTLAK SEBARANG PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN TERTENTU SAHAJA.

+BAGI MENJAMIN KEKESANAN TINDAKAN MASYARAKAT MELAWAN KEGIATAN DADAH, PENDEKATAN SECARA PENYERTAAN PERLU DILAKSANAKAN. SUPAYA LEBIH BERKESAN, IA SEHARUSNYA LEBIH MENGUTAMAKAN MANUSIA DARIPADA MEMENTINGKAN PERKHIDMATAN SAHAJA,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENDEKATAN SECARA PENYERTAAN AKAN MENDORONG PEMUPUKAN DAYA KEPIMPINAN SETEMPAT, KESEDARAN MASYARAKAT DAN PEWUJUDAN SEMULA KAWALAN SOSIAL YANG AKAN MEMBENDUNG PENAGIHAN DADAH DARIPADA MEREBAK.

DENGAN CARA ITU RANGKA-RANGKA YANG DIRUMUSKAN AKAN LEBIH MUDAH TERLAKSANA KERANA IA AKAN BERASASKAN KEPERLUAN, MASALAH DAN SUMBER-SUMBER TEMPATAN, KATANYA.-- LAGI
1411MST 14 11 88

0374

U 0116 AAB

MAHATHIR-IFNGO 3 KUALA LUMPUR

SEJUMLAH 437 ANGGOTA PERWAKILAN DAN PEMERHATI DARI 29 NEGARA TERMASUK AMERIKA SYARIKAT, AUSTRALIA, SWEDEN, JERMAN BARAT, JEPUN, SWITZERLAND, UNITED KINGDOM, CANADA DAN NEGARA-NEGARA ASEAN MENGHADIRI PERSIDANGAN LIMA HARI ITU.

PERSIDANGAN KETIGA SELURUH PASIFIK BAGI MAJLIS ANTARABANGSA MENGENAI ALKOHOL DAN PENAGIHAN (ICAA) JUGA BERLANGSUNG SEMASA PERSIDANGAN ITU UNTUK MENDEDAHKAN PARA ANGGOTA INFSO DAN ICAA KEPADA KEGIATAN MASING-MASING.

PRESIDEN IFNGO DR JAMES M.M. CHI'EN, DALAM UCAPANNYA BERKATA KERJASAMA ANTARABANGSA KIAN MENINGKAT EKORAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH (ICDAIT) DI VIENNA TAHUN LEPAS YANG DATUK SERI DR MAHATHIR MENJADI PENGERUSI.

KATANYA KERJASAMA INI MENGHASILKAN BEBERAPA RAMPASAN BESAR DAN PENANGKAPAN SERTA HUKUMAN TERHADAP SESETENGAH PEMIMPIN SINDIKET DADAH ANTARABANGSA.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYOB SELAKU PENGERUSI JAWATANKUASA PENGANJUR, MENGGESA TINDAKAN LEBIH KERAS TERHADAP SEMUA PERINGKAT, PENGEDAR, PENGGUNA DAN PENJUAL DADAH.-- LAGI

1437MST 14 11 88

0383

U 0126 AAB

MAHATHIR-IFNGO 4 KUALA LUMPUR

KATANYA:+ APABILA KITA GAGAL MENGENAKAN TEKANAN KUAT, SECARA TIDAK DISEDARI KITA MENUNJUKKAN KEPURA-PURAAN DAN MENGIZINKAN AMALAN KEJI SERTA SEOLAH-OLAH MENYATAKAN KITA MERELAKAN PERBUATAN SEUMPAMA ITU.

+KITA MENGIZINKAN KUMPULAN-KUMPULAN SEUMPAMA ITU TUMBUH DAN MEWAH DAN DENGAN ITU MEMBANTUTKAN USAHA YANG LAIN BAGI MEMBENDUNG MASALAH ITU,+ KATANYA.

KATANYA MEREKA YANG TERBABIT TIDAK HARUS DIBERI TEMPAT BERLINDUNG DAN SETIAP USAHA HENDAKLAH DILAKSANAKAN UNTUK MENYEKAT MEREKA DARIPADA MENGGUNAKAN KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI SECARA TIDAK SAH UNTUK MENYOGOK RAKYAT ATAU KERAJAAN SUPAYA MERELAKAN KEGIATAN GELAP MEREKA.

DATUK MEGAT JUNID BERKATA PEMBUNUHAN SEORANG PEGAWAI TINGGI SEBUAH NEGARA AMERIKA SELATAN OLEH KUMPULAN-KUMPULAN PENGEDAR DADAH ALA MAFIA ADALAH PETUNJUK JELAS TENTANG KEGANASAN YANG DIKAITKAN DENGAN PENGEDARAN DADAH.-- BERNAMA

1454MST 14 11 88